

BULETIN

JKR KELANTAN



TEL : 09-7455800
FAX: 09-7462453
EMEL:JKRCELANTAN@KELANTAN.GOV.MY
LAMAM WEB :
HTTP://JKR.KELANTAN.GOV.MY



EDISI
01
JANUARI





SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

IR. MOHD SUHAILI BIN ISMAIL

PENASIHAT:

IR. HJ. NIK SOH BIN YAACOUB

KETUA EDITOR:

NIK SUHARLIZA BINTI NIK ZOL

**KETUA PENYELARAS
PENERBITAN:**

SHUKRI BIN HASAN

**PENYELARAS
PENERBITAN**

NUDRASAFINI BINTI MOHAMAD

EDITOR BAHAGIAN

- **IR. NIK NAZLINA BINTI NIK MAT ROMLI**
(BAHAGIAN PASUKAN PROJEK PERSEKUTUAN)
- **NIK SALMI BINTI NIK RAMLI**
(BAHAGIAN JALAN)
- **SHUKRI BIN YUSUF**
(BAHAGIAN KONTRAK & UKUR BAHAN)
- **NIK NURFAIZAH BT NIK AB HAMID**
(CAWANGAN PENGURUSAN ASET BERSEPADU)
- **NUR ARIFFAH BINTI ASAUDI**
(BAHAGIAN REKABENTUK)
- **MOHD ZAMZURI BIN HJ. JUSOH**
(BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN)
- **ROBYATTUL HADAWIYYAH BINTI SHUHAMI**
(BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT)
- **MOHD AZIZUL HAKIM BIN ABD AZIZ**
(BAHAGIAN BANGUNAN)
- **MOHD ASBULLAH MUSTAFA**
(BAHAGIAN ARKITEK)

EDITOR JAJAHAN

- **AZIMI BIN CHE SOH**
(JKR ELEKTRIK)
- **KHAIRUL ANUAR BIN DOLLAH**
(JKR FERI)
- **TENGGU IZURIATI BINTI TENGGU YACOB**
(JKR KUARI)
- **MOHD SUBKI BIN GHAZALI**
(JKR MEKANIKAL)
- **MOHD NAZARUDDIN BIN OMAR**
(JKR TENTERA)
- **MOHD FAIRUL BIN MUHAMMAD ZAIN**
(JKR KOTA BHARU)
- **SITI NORMASITAH BINTI ZULKIFLI**
(JKR GUA MUSANG)
- **MOHD HAZMAN BIN MOHD GHAZALI**
(JKR PASIR MAS)
- **MAT FAUZI BIN MAHMOOD**
(JKR KUALA KRAI)
- **ROSE AZIDA BINTI SHAMSUDIN**
(JKR MACHANG)
- **SITI MARIAM BINTI ABDUL RAHMAN**
(JKR BACHOK)
- **MOHD FARIS BIN SHARIFDDIN**
(JKR TUMPAT)
- **NIK MOHD RINME BIN NIK IBRAHIM**
(JKR TANAH MERAH)
- **MOHD RUSNIZAM BIN HAMZAH**
(JKR PASIR PUTEH)




KANDUNGAN

- **TAKLIMAT PEMBANGUNAN TEPI JALAN SIRI 1/2021.**
- **KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BLOK A, BLOK B, BLOK C, DEWAN, BLOK ASRAMA, TANGKI AIR, PENYAMAN UDARA, PAGAR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEKOLAH MENENGAH SAINS MACHANG, MACHANG, KELANTAN.**
- **PROGRAM GOTONG - ROYONG DI KUARTERS LAMA JURUTERA JAJAHAN JKR BACHOK.**
- **LAWATAN KERJA**
- **KETUA PENGARAH KERJA RAYA MALAYSIA (KPKR) KE LOKASI KEJADIAN TANAH RUNTUH DI LALUAN FT185, SEKSYEN 60.00 - 62.00, JAJAHAN GUA MUSANG, KELANTAN.**
- **PROGRAM MISI BANJIR JKR PRIHATIN.**
- **TAKLIMAT TEKNIKAL - LESSON LEARNT**
- **OPERASI PEROBOHAN GERAI -GERAI DALAM RIZAB JALAN BERSAMA MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH (MDPP)**

TAKLIMAT PEMBANGUNAN TEPI

JALAN SIRI 1/2021

5 JANUARI 2021 | SUMBER: JKR JAJAHAN MACHANG




MACHANG, 5 Januari 2021 - Satu taklimat Pembangunan Tepi Jalan Siri 1/2021 dengan kerjasama Bahagian Jalan JKR Kelantan telah diadakan di JKR Machang pada 05 Februari 2021 bertempat di Bilik Gerakan, JKR Machang.

Taklimat tersebut telah dihadiri oleh kakitangan teknikal seramai 20 orang dan disampaikan oleh Ts. Mohamed Hafiez bin Hussain Jurutera Awam (Jalan) JKR Kelantan.

Antara tajuk-tajuk yang dihuraikan adalah permohonan Kebenaran Merancang, permohonan Pelan Jalan dan Parit (R&D), permohonan Tukar Syarat / Pecah Sempadan dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Tujuan taklimat adalah bagi memberi pencerahan dan perkongsian ilmu dan manfaat kepada kakitangan teknikal dalam menjalankan tugas harian.

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BLOK A, BLOK B, BLOK C, DEWAN, BLOK ASRAMA, TANGKI AIR, PENYAMAN UDARA, PAGAR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEKOLAH MENENGAH SAINS MACHANG, MACHANG, KELANTAN.



MACHANG, 6 Januari 2021 - Majlis Penyerahan Projek Kerja-Kerja Penyelenggaraan Blok A, Blok B, Blok C, Dewan, Blok Asrama, Tangki Air, Penyaman Udara, Pagar, serta Kerja-Kerja berkaitan di Sekolah Menengah Sains Machang, Machang, Kelantan telah diadakan pada 6 Januari 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Al-Ghazali, Sekolah Menengah Sains Machang, Kelantan.

Majlis dihadiri oleh wakil pelanggan, pihak JKR Machang dan pihak kontraktor iaitu Super Teknik Enterprise. Tempoh pembinaan asal projek adalah selama 32 minggu yang bermula pada 10 Februari 2020 hingga 20 September 2020, namun projek ini telah diberikan lanjutan masa akibat PKP selama 114 hari iaitu sehingga 12 Januari 2021. Kontraktor telah menyiapkan kerja lebih awal dari tarikh tersebut iaitu pada 12 Oktober 2020 dengan kos projek sebanyak RM727, 515.29. Tahniah diucapkan kepada kontraktor terlibat.

Skop projek adalah merangkumi kerja-kerja menyelenggara dan membaikpulih tandas asrama lelaki dan perempuan, menaiktaraf tangki air utama serta panel kawalan pam air, kerja pengalihan pagar, menyelenggara dewan sekolah, menebang pokok dan kerja-kerja mengecat bahagian luar bangunan sekolah di Blok A, B dan C serta menyelenggara penyaman udara .

PROGRAM GOTONG – ROYONG DI KUARTERS LAMA JURUTERA JAJAHAN JKR BACHOK

BACHOK, 7 Januari 2021 – Pada 7 Januari 2021, JKR Jajahan Bachok telah mengadakan satu program gotong –royong di kawasan persekitaran kuarters Jurutera Jajahan. Seramai 25 orang termasuk pegawai dan kakitangan telah melibatkan diri menyertai program tersebut. Program ini diadakan adalah bertujuan untuk membersihkan kawasan kuarters dari semak-samun. Hal ini demikian kerana, kuarters tersebut telah lama terbiar dan tidak digunakan. Selain itu, ia bertujuan bagi mengeratkan lagi silaturahim antara pegawai dan kakitangan jabatan.

Pelbagai peralatan dibawa sebagai persediaan sebelum program ini dijalankan dan disertakan sebuah jentera backhoe bagi membantu melancarkan lagi program ini. Kerjasama antara pegawai dan kakitangan dapat dilihat dengan hasil selepas program ini. Program seperti ini akan diteruskan lagi di JKR Bachok bagi memelihara kuarters dari terus terbiar dan akan merancang untuk permohonan pembaikan dan penyelenggaraan dari SUK Negeri Kelantan.



LAWATAN KERJA
KETUA PENGARAH KERJA RAYA MALAYSIA (KPKR) KE LOKASI
KEJADIAN TANAH RUNTUH
DI LALUAN FT185, SEKSYEN 60.00 – 62.00,
JAJAHAN GUA MUSANG, KELANTAN

9 JANUARI 2021 | SUMBER: JKR JAJAHAN GUA MUSANG



GUA MUSANG, 9 Januari 2021 - Lawatan Kerja YBhg. Dato' KPKR (Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman) & TKSU Sektor Dasar Dan Pembangunan (Datuk Badrul Hisham bin Mohd) ke Lokasi Kejadian Tanah Runtuhan dan Banjir Lumpur di Laluan FT185, Seksyen 60.00-62.00, Jajahan Gua Musang, Kelantan.

Turut hadir TKPKR (Sektor Infra), Pengarah Kanan J, Pengarah CSF), Pengarah CKC, Pengarah JKR Negeri Kelantan, Pengarah JKR Negeri Pahang, Ketua Jajahan PTJ Lojing.

Laluan FT185 merupakan salah satu rangkaian jalan utama persekutuan yang menghubungkan Negeri Perak ke Pahang dan Kelantan dari Simpang Pulai ke Gua Musang. Keseluruhan laluan ini adalah sepanjang 151.700 KM dan Simpang Pulai ke Gua Musang.

Satu kejadian banjir lumpur dan tanah runtuh telah berlaku di sek 60.00 - 62.00 (Jambatan Sungai Peringgi) pada 03/01/2021 jam 3.30 petang. Kejadian ini telah mengakibatkan lumpur, batu (boulders) dan sisa kayu balak ke atas jalan yang menjejaskan keadaan jalan raya sepanjang 2km.

PROGRAM MISI BANJIR JKR PRIHATIN



KUALA KRAI, 13 Januari 2021 - Program Misi Banjir JKR Prihatin telah diadakan pada 13 Januari 2021 bersama dengan pasukan JKR Kelantan dan JKR Malaysia. Misi bantuan banjir ini telah diagihkan kepada penduduk yang terjejas dengan banjir khususnya daerah Olak Jeram yang terletak di Jajahan Kuala Krai, Kelantan.

Mukim yang terdapat dalam daerah Olak Jeram adalah Mukim Chuchoh Puteri, Mukim Gajah Barat, Mukim Gajah Timur Manjor Utara, Mukim Peria dan Mukim Sungai Sam. Selain itu, misi banjir juga diteruskan di daerah Pasir Mas dan daerah Tumpat.

PROGRAM SANITASI OLEH MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH

PASIR PUTEH, 18 Januari 2021- Program sanitasi oleh pihak Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) beserta Jabatan Bomba dan Penyelamat di JKR Pasir Puteh di JKR Pasir Puteh pada 18 Januari 2021.

Program secara berkala dengan kerjasama pihak MDPP di semua jabatan kerajaan negeri terutamanya yang melibatkan kawasan kehadiran orang awam. Program tersebut diadakan adalah bagi tujuan mencegah penularan virus Covid-19.

Sama-sama kita doakan semoga Malaysia dapat memutuskan rangkaian Covid-19. Terima kasih diucapkan kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat diatas usaha dan khidmat bakti ini.





TAKLIMAT TEKNIKAL - LESSON LEARNT

27 FEBRUARI 2021 | SUMBER: JKR JAJAHAN BACHOK

BACHOK, 27 Februari 2021 - JKR Jajahan Bachok telah mengadakan Taklimat Teknikal - Lesson Learnt yang disampaikan oleh Ir. Mohd Azimuiddin Bin Yunus . Perkongsian ilmu bagi penemuan kelemahan-kelemahan yang berulang di temui di dalam LKAN 2010-2015 bagi pelaksanaan atau pentadbiran projek JKR oleh bahagian Integriti Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat Ibu Pejabat JKR Malaysia.

Terdapat pelbagai kelemahan yang berulang ditemui dari pelbagai aspek teknikal iaitu :

1. Spesifikasi dan Kualiti
2. Dokumen Kontrak
3. Bon Pelaksanaan
4. Polisi Insurans
5. Arahan Perubahan Kerja
6. Wang Pendahuluan
7. Rundingan Harga
8. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)
9. Lukisan Siap Bina (As Built Drawing)
10. Perolehan Kemudahan Khidmat pengangkutan dan Peralatan(JKPMK)
11. Kos Item Kerja Awalan Yang Ditetapkan Dalam Kontrak
12. Kaedah Pembayaran Interim Kerja Awalan
13. Kaedah Pembayaran Interim Kerja Awalan Perkongsian beberapa contoh kes rasuah yang melibatkan penjawat awam.



OPERASI PEROBOHAN GERAI -GERAI DALAM RIZAB JALAN BERSAMA MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH (MDPP)

31 FEBRUARI 2021 | SUMBER: JKR JAJAHAN PASIR PUTEH

PASIR PUTEH, 31 Januari 2021 - Operasi perobohan gerai -gerai tinggalan dalam rizab jalan bersama Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) telah diadakan pada pagi 30 Januari 2021 (Sabtu). Operasi tersebut merupakan operasi bawah seliaan Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP). Semua kakitangan berkumpul di Pejabat Penggawa Bukit Awang dan operasi perobohan bermula jam 9.30 pagi di Simpang Wakaf Raja Pasir Puteh.



HUBUNGI KAMI

**Layari melalui telefon pintar
Imbas kod QR dengan alat mudah alih anda**



**IBU PEJABAT
JABATAN KERJA RAYA NEGERI KELANTAN
JALAN KUALA KRAI,
15050 KOTA BHARU, KELANTAN**

Tel : 09-7455800

Fax: 09-7462453

Emel: jkrkelantan@kelantan.gov.my

Laman Web : <http://jkr.kelantan.gov.my>

